

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2001/2002

April 2002

ACW 241 - Percukaian I

Masa: 3 jam

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1 (20 markah)

Encik Md. Sani adalah seorang pengarah urusan di sebuah syarikat terkawal. Butir-butirmengenai pendapatan beliau untuk tahun berakhir pada 31 Disember 2001 adalah seperti berikut:

Gaji	RM3,000.00 (sebulan)
Bonus	RM9,000.00 (setahun)
Elaun perjalanan	RM2,500.00 (sebulan)
Bil elektrik dan air dibayar oleh syarikat	RM75.00 (sebulan - purata)
Amah dibayar oleh syarikat	RM350.00 (sebulan)
Tukang kebun dibayar oleh syarikat	RM350.00 (sebulan)
Benafaat perubatan dibayar oleh syarikat	RM800.00 (sebulan- purata)
Elaun keraian	RM800.00 (sebulan)
Tempat kediaman - nilai tetap	RM1,000.00 (sebulan)
Pemandu dibayar oleh syarikat	RM500.00 (sebulan)

Pendapatan-pendapatan lain:

Dividen Malaysia (bersih)	RM2,160.00
Dividen - Hong Kong	RM1,000.00
- RM500.00 dikirimkan	
Faedah simpanan tetap 15 bulan	RM4,000.00
Pendapatan sewa	
- Rumah di Ipoh - mula disewakan pada 1 Jun 2001	RM500.00 (sebulan)
Rumah di Taiping	Tiada sewa diterima

Pendapatan perniagaan	
- pendapatan dilaraskan	RM25,000.00
- elaun modal	RM2,400.00

Sumber pendapatan isteri bagi 2001 ialah:

Komisyen sebagai penjual separuh masa	RM20,000.00
Ganjaran bagi menterjemah buku	RM12,000.00

Maklumat tambahan:

- (i) Hanya 2/3 sahaja dari elaun perjalanan digunakan untuk tugas rasmi.
- (ii) Bil elektrik dan air yang dibayar oleh majikan tidak mencukupi dan Encik Md. Sani terpaksa membelanjakan RM15.00 sebulan sebagai tambahan kepada manfaat yang diberikan.

- (iii) Encik Md. Sani telah mengaji seorang lagi tukang kebun dengan membayar RM350.00 sebulan kerana tukang kebun yang sedia ada tidak melaksanakan kerja sepenuhnya.
- (iv) Perbelanjaan keraian yang dibuat untuk tujuan rasmi telah melebihi elaun yang diberikan dengan sebanyak RM100.00 sebulan.
- (v) Tempat kediaman yang disediakan oleh majikan adalah termasuk perabut bernilai RM200.00 sebulan.
- (vi) Dividen Malaysia yang beliau terima adalah daripada sebuah syarikat yang bermastautin. Beliau telah membuat pinjaman overdraf bank bagi membiayai pelaburan tersebut sepenuhnya. Untuk tempoh berkenaan beliau telah membayar bunga atas pinjaman overdraf bank sebanyak RM1,800.00.
- (vii) Kerugian perniagaan tahun 2000 bawa ke hadapan berjumlah RM1,500.00.
- (viii) Elaun modal bagi perniagaan tersebut adalah berkaitan dengan sebuah kereta yang digunakan dalam perniagaan berkenaan. 2/3 sahaja daripada kegunaan kereta itu adalah untuk urusan perniagaan.
- (ix) Encik Md. Sani telah membuat tuntutan berikut bagi perbelanjaan rumah:

	<u>Rumah di Ipoh</u>	<u>Rumah di Taiping</u>
Cukai pintu (tahunan)	RM600.00	RM 800.00
Kadar taksiran (tahunan)	RM480.00	RM 600.00
Ubahsuai dinding untuk memasang alat hawa dingin	-	RM3,000.00
Membaiki pintu yang rosak	-	RM 200.00
Iklan bagi penyewa pertama	RM500.00	-

- (x) Bagi tahun 2001, adik Encik Sani duduk di rumahnya di Taiping tanpa membayar sewa kecuali menjelaskan kadar taksiran sedangkan Encik Sani duduk di rumahnya sendiri di Pulau Pinang. Nilai kadar rumah di Taiping ialah RM12,000.
- (xi) Isterinya telah mengeluarkan perbelanjaan berikut dalam 2001:

Belanja keraian bagi pelanggannya	RM3,500.00
Belanja lain dibenarkan (S.34)	RM2,000.00

- (xii) Encik Sani dan isteri mempunyai 3 orang anak:
- (1) Anak pertamanya berumur 23 tahun sedang belajar di USM. Encik Sani menanggung perbelanjaannya sebanyak RM6,000 setahun.

- (2) Anak keduanya berumur 21 tahun sedang belajar di London University, England. Dalam tahun 2001 anak ini telah kahwin tetapi isteri Encik Sani masih menanggung sebanyak RM5,000 bagi perbelanjaannya di England dalam 2001.
- (3) Anak ketiganya berumur 17 sedang belajar di MCKK Kuala Kangsar adalah seorang yang tidak berupaya anggota. Dalam 2001 Encik Sani membeli alat sokongan baginya dengan kos RM6,000.
- (xiii) Dalam 2001 premium insuran dan KWSP yang dibayar ialah:

	<u>Premium insuran</u>	<u>Jenis insuran</u>
Encik Sani	RM3,500.00	Nyawa
	RM3,000.00	Kemalangan
Isteri	RM3,000.00	Nyawa
	RM2,000.00	Kemalangan
Anak ketiga	RM3,000.00	Nyawa
	RM2,000.00	Kemalangan

KWSP

Encik Sani RM2,500.00
Isteri -

Nota: Nilai manfaat berupa barang mengikut garis panduan LHDN ialah seperti berikut:

- Pemandu kereta RM300 sebulan
- Amah (pembantu rumah) RM4,800 setahun
- Tukang kebun RM3,600 setahun
- Perabot jenis diberikan RM140 sebulan

Dikehendaki:

Kirakan pendapatan bercukai Encik Sani dan isterinya untuk tahun taksiran 2001 dengan andaian bahawa isterinya tidak memilih taksiran bergabung.

[20 markah]

Soalan 2 (28 markah)

Kegiatan utama Biskut Sedap Sdn Bhd ialah pembuatan biskut dan pelaburan. Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2001 ialah seperti berikut:

	<u>Nota</u>	<u>RM'000</u>	<u>RM'000</u>
Jualan	1	5,500	
Tolak: Kos jualan	2	<u>3,300</u>	
Untung kasar			2,200
 Tolak: Belanja operasi			
Gaji	3	950	
Penyelidikan dan pembangunan	4	80	
Pengangkutan dan insurans	5	240	
Faedah	6	200	
Yuran iktisas dan guaman	7	90	
Tambang cuti	8	120	
Kerugian petukaran wang asing	9	60	
Peruntukan hutang lapuk (niaga)	10	60	
Publisiti dan promosi	11	250	
Belanja am dan pentadbiran	12	<u>270</u>	<u>2,320</u>
			(120)
Campur: Pendapatan pelaburan	13	400	
Penghapusan Peruntukan untuk pengurangan nilai pelaburan	14	<u>50</u>	<u>450</u>
Untung sebelum cukai			330
			====

Nota:

	<u>RM'000</u>
1. Jualan meliputi berikut:	
Jualan tempatan	3,850
Jualan eksport	<u>1,650</u>
	5,500
	====

Jualan eksport menghasilkan untung kasar sebanyak RM530,000 sedangkan jualan tempatan sebanyak RM1,670,000

2. Kos jualan meliputi berikut:	
Susutnilai aset tetap	220
Peruntukan stok usang	60
Premium insurans bayar di Malaysia kepada cawangan sebuah syarikat insurans luar negeri untuk mengimport bahan mentah	10

3. Gaji meliputi berikut:
- | | |
|--|----|
| Elaun keraian untuk staf pemasaran | 80 |
| Elaun perjalanan untuk staf pemasaran | 60 |
| Tambang cuti bagi pengarah | 30 |
| Upah untuk telefonis yang tidak berupaya | 15 |
| Peruntukan gratuiti | 30 |
4. Penyelidikan dan pembangunan meliputi:
- | | |
|--|----|
| Perbelanjaan projek penyelidikan yang diluluskan | 55 |
| Belanja pengujian produk dan kawalan kualiti | 25 |
5. Pengangkutan dan insurans meliputi:
- | | |
|---|----|
| Bayaran pengangkutan kepada syarikat perkapalan Malaysia untuk mengexport barang melalui kapal yang berdaftar di Malaysia | 90 |
| Premium insurans bayar kepada syarikat insurans Malaysia untuk barang yang dieksport | 20 |
| Premium insurans kebakaran bagi bangunan kilang untuk tempoh 18 bulan yang berakhir 30 Jun, 2002 | 36 |
6. Faedah mewakili faedah keatas pinjaman barnilai RM2 juta daripada sebuah bank asing di Malaysia pada 2 Januari 2001. 40% daripada pinjaman tersebut digunakan sebagai modal kerja Biskuit Sedap Sdn Bhd dan baki digunakan untuk membiayai perolehan saham Tepung Bagus Sdn Bhd. Tiada bayaran prinsipal pinjaman dibuat dalam tahun 2001.
- Akauntan syarikat memaklumkan bahawa Biskuit Sedap Sdn Bhd juga mempunyai suatu pelaburan dalam Bahan Naik Sdn Bhd yang telah diperolehi pada 1 Julai, 2001 dan dibiayai melalui dana syarikat sendiri.
7. Yuran iktisas dan guaman meliputi berikut: RM'000
- | | |
|---|----|
| Yuran audit dan percuakan | 20 |
| Yuran guaman untuk menyediakan perjanjian pinjaman | 10 |
| Nasihat iktisas mengenai perolehan saham dalam Tepung Bagus Sdn Bhd | 25 |
| Penilaian tanah dan bangunan untuk tujuan pinjaman | 5 |
| Yuran guaman untuk memulihkan hutang lapuk | 15 |
8. Perjalanan meliputi juga sewaan pajakan (leasing) sebanyak RM70,000 bagi pajakan lori yang digunakan.
9. Kerugian pertukaran wang asing meliputi perkara berikut: RM'000
- | | |
|--|------|
| Kerugian penukaran wang asing melalui bayaran baki penutup Akaun Pembekal Asing | 82 |
| Keuntungan penukaran wang asing melalui pindahan baki penutup Akaun Penghutang Asing | (22) |
| | 60 |
| | ==== |

10. Peruntukan hutang lapuk (niaga) meliputi:		
Peruntukan am hutang lapuk yang tidak lagi perlu	(10)	
Peruntukan khusus untuk hutang lapuk	66	
Hutang lapuk dihapuskirakan	<u>4</u>	
	<u>60</u>	
	====	
11. Publisiti dan promosi meliputi:		
Pengiklanan	120	
Penyertaan dalam Pameran Dagangan Antarabangsa yang diluluskan di Kuala Lumpur untuk mempromosi produk syarikat di luar negara	48	
Derma 10 kerusi beroda kepada badan kebajikan yang diluluskan	7	
Makan malam bagi pengedar syarikat	35	
12. Belanja am dan pentadbiran meliputi:		
Belanja makan tahunan staf	58	
Pemberian produk syarikat untuk promosi	42	
Belanja keatas penambahan modal berbayar syarikat dan modal yang diluluskan	10	
13. Pendapatan pelaburan termasuk:		
Pendapatan dividen daripada Tepung Bagus Sdn Bhd (kasar)	380	
Pendapatan faedah	24	
Faedah keatas bayaran lambut kepada pembekal bahan mentah	<u>(4)</u>	
	<u>400</u>	
	====	
14. Penghapusan peruntukan untuk pengurangan nilai pelaburan adalah untuk pelaburan dalam Bahan Naik Sdn. Bhd.		
15. Makluman tambahan :		
(i) Berikut adalah baki Akaun-Akaun Peruntukan:		
	<u>31 Dis. 2001</u> <u>RM'000</u>	<u>31 Dis. 2000</u> <u>RM'000</u>
Peruntukan keatas stok yang usang	250	230
Peruntukan untuk gratuiti	180	160
Peruntukan hutang lapuk (niaga)		
- Khusus	200	140
- Am	70	100
(ii) Untuk Tahun Taksiran 2000 Biskuit Sedap Sdn Bhd mempunyai kerugian cukai yang boleh hantar ke tahun hadapan sebanyak RM107,000 dan Elaun Modal yang boleh dihantar ke tahun depan sebanyak RM85,000. Tuntutan Elaun Modal bagi Tahun Taksiran 2001 ialah RM102,000.		

Dikehendaki:

Bermula dengan untung sebelum cukai, kirakan pendapatan boleh dikenakan cukai bagi Biskut Sedap Sdn. Bhd. untuk Tahun Taksiran 2001.

[28 markah]

Soalan 3 (16 markah)

- (a) Mengapakah penting membezakan antara pendapatan pekerjaan dan pendapatan perniagaan? [8 markah]
- (b) Kaya Sdn. Bhd., yang telah menjalankan perniagaan pekilangan semenjak 1996, menyiapkan akaunnya pada 31 Mac setiap tahun dan membayar dividen pada 2 Februari 2001. Pengaruhnya bercadang membayar dividen kepada pemegang saham selepas tahun kewangannya pada 31 Mac 2001, berdasarkan kepada modal yang dikeluarkan dan dibayar penuh sebanyak RM10 juta.

Maklumat tambahan adalah seperti berikut:

	<u>RM'000</u>
Baki akaun S.108(6) pada 1 Januari 2001	420
Pendapatan boleh dikenakan cukai berdasarkan kepada akaun bagi tahun berakhir 31 Mac 2001	2,400
Dividen bersih dibayar pada 2 Februari 2001	1,440

Dikehendaki:

- (i) Kirakan amaun maksimum dividen bersih Kaya Sdn Bhd boleh bayar dalam 2001 selepas tahun berakhir 31 Mac 2001 supaya tidak dikenakan caj di bawah S.108(5) [5 markah]
- (ii) Kirakan caj S.108 yang akan dikenakan jika Kaya Sdn Bhd telah membayar dividen sebanyak 20% setelah ditolak cukai kepada pemegang sahamnya untuk tahun 2001 selepas tahun kewangannya pada 31 Mac 2001. [3 markah]

Soalan 4 (16 markah)

Ahmad dan Bala mengendalikan perniagaan perkongsiannya dengan nama Ahmad, Bala & Rakan. Akaun perkongsian tersebut disiapkan sehingga 30 September setiap tahun. Syarat-syarat perkongsian adalah seperti berikut:

- (a) Ahmad dan Bala dibayar gaji sebanyak RM6,000 dan RM4,500 sebulan masing-masing.
- (b) Bunga bagi modal dibayar pada kadar 10% setahun. Ahmad dan Bala menyumbang modal sebanyak RM450,000 masing-masing.
- (c) Nisbah pembahagian untung rugi bagi tempoh 1.10.1999 hingga 30.9.2000 ialah Ahmad 3/4 dan Bala 1/4.

Pada 1.10.2000, Chong menyertai perkongsian tersebut dengan menyumbangkan modal sebanyak RM600,000 dan tarikh perakaunan perniagaan perkongsian ditukar ke 31 Disember.

Nisbah pembahagian untung rugi serta syarat perkongsian ditukar mulai 1.10.2000 seperti berikut:

- (1) Gaji sebanyak RM6,000 sebulan dibayar kepada setiap rakan kongsi.
- (2) Bunga pada kadar 10% setahun dibayar kepada setiap rakan kongsi.
- (3) Nisbah pembahagian untung rugi setiap rakan kongsi ialah 1/3 bermula dari 1.10.2000.

Pendapatan larasan sementara dan elaun modal bagi perniagaan perkongsian tersebut ialah:

<u>Tempoh</u>	<u>Pendapatan larasan Sementara</u>	<u>Elaun modal</u>
1.10.1999 - 30.9.2000	RM600,000	RM75,000
1.10.2000 - 31.12.2000	RM 90,000	-
1.1.2001 - 31.12.2001	RM750,000	RM120,000

Dikehendaki:

- (i) Nyatakan tempoh asas bagi setiap rakan kongsi untuk tahun taksiran 2000 (tahun kini) dan tahun taksiran 2001.
- (ii) Kirakan pendapatan larasan dan pendapatan berkanun setiap rakan kongsi bagi tahun taksiran 2000 dan tahun taksiran 2001.

[16 markah]

Soalan 5 (20 markah)

Pinang Bhd. menyiapkan akaunnya pada 31 Mei setiap tahun. Sebuah kilang dibina untuk perniagaan pengilangannya dengan perbelanjaan berikut:

		<u>RM000</u>
1.6.1994	Kos tanah	640,000
1.7.1994	Kos pembinaan	320,000
5.8.1994	Yuran arkitek	15,000
16.8.1994	Yuran guaman berkaitan tanah	18,900
15.4.1995	Kos pembinaan	400,000
16.2.1996	Kos pembinaan	250,000
26.2.1996	Yuran arkitek	9,500
16.5.1996	Yuran guaman berkaitan bangunan	<u>8,000</u>
		1,661,400

Bangunan tersebut siap dibina pada 15.6.1996 dan 4/5nya terus digunakan sebagai bangunan perindustrian sedangkan 1/5 digunakan sebagai tempat pamiran.

Oleh kerana kekurangan permintaan keluarannya, Pinang Bhd. menjual bangunan tersebut kepada Rico Bhd. pada 5.6.1999 dengan harga RM2,200,000 (termasuk nilai tanah RM900,000). Tarikh perakaunan Rico Bhd. ialah 30 September.

Rico Bhd. menggunakan bangunan tersebut sebagai pusat pamiran. Selepas 2.8.2000, Rico Bhd. menggunakan bangunan tersebut sebagai kilang.

Dikehendaki:

Kirakan eluan bangunan perindustrian bagi Pinang Bhd. dan Rico Bhd. sehingga tahun taksiran 2001.

[20 markah]